

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000**

**September 1999**

**PGT 361 Kepemimpinan Sekolah**

**Masa : (3 Jam )**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **3** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN: JAWAB SOALAN 1 dan mana-mana dua soalan lain.**

**(Soalan 1 adalah Wajib dijawab)**

1. (a) Berasaskan bacaan tentang kajian kepemimpinan sekolah, nyatakan jenis-jenis peranan utama yang diamalkan oleh seorang pengetua di sekolah.  
  
(b) Apakah yang dimaksud sebagai kepemimpinan pengajaran (*instructional leadership*)? Nyatakan tingkah laku-tingkah laku utama pengetua sekolah yang membayangkan gagasan ini.  
  
(c) Tugasan-tugasan pemimpin di sekolah menyebabkan pengetua menunjukkan imej sebagai pengurus birokrat (*bureaucratic manager*) berbanding dengan imej pengetua sebagai pemimpin pengajaran (*instructional leader*). Jelaskan sama ada anda bersetuju bahawa imej ini adalah benar untuk keadaan sekolah di Malaysia. Beri hujah-hujah untuk menyokong dapatan anda.  
  
(d) Seorang wanita yang ingin memajukan kerjaya sebagai pemimpin sekolah khususnya sebagai pengetua, mungkin mengalami rintangan yang lebih berbanding dengan seorang lelaki. Jelaskan hujah-hujah yang menyebabkan keadaan ini berlaku.

**(40 markah)**

**...2/-**

**(Jawab mana-mana dua soalan dari soalan 2-5)**

2. Rangka dan jelaskan satu model kepemimpinan yang anda anggap sebagai sesuai untuk dilaksanakan di sebuah sekolah di Malaysia. Nyatakan keadaan-keadaan yang anda fikir adalah paling sesuai untuk melaksanakan model-model kepemimpinan berkenaan. Beri hujah untuk menyokong pandangan anda, khususnya berasaskan dapatan kajian yang dijalankan di dalam dan di luar negeri.

(Anda juga diminta memberi justifikasi jika anda katakan tiada model kepemimpinan yang sedia ada adalah sesuai).

(30 markah)

3. (a) Terangkan secara ringkas sejarah perkembangan pengajian kepemimpinan dengan menjelaskan tumpuan-tumpuan utama terhadap pendekatan yang diambil pada setiap tahap tempoh perkembangan sejarah itu. Nyatakan perbezaan dan persamaan di antara pengkonsepsian kepemimpinan yang diambil oleh pendekatan-pendekatan utama ini.
- (b) Huraikan kelebihan dan kelemahan kajian kepeminimpinan yang memberi tumpuan kepada ciri atau trait pemimpin.

(30 markah)

4. (a) Apakah yang dimaksudkan sebagai grid pengurusan (*managerial grid*)? Jelaskan kategori-kategori utama tingkah laku pemimpin yang dicadangkan dalam model ini.
- (b) Banding dan bezakan di antara pendekatan model ini dengan pendekatan-pendekatan yang dikemukakan oleh kajian-kajian Ohio State University dan Michigan University di tahun lima puluhan.
- (c) Jelaskan bagaimana model grid pengurusan boleh digunakan untuk mempertingkatkan mutu kepemimpinan sekolah-sekolah menengah di Malaysia.

(30 markah)

...2/-

4. (a) Model-model kepemimpinan Model Kitaran Hidup (*Life Cycle Model* - Hersay & Blanchard) dan Model Ranting Keputusan (*Decision Tree Model* - Vroom & Yetton) memberi tumpuan kepada tingkah laku membuat keputusan sebagai asas pengkajian kepemimpinan. Nyatakan jenis-jenis kategori yang di maksud dalam setiap model ini.
- (b) Jelaskan persamaan atau perbezaan pengkategorian tingkah laku membuat keputusan di antara kedua-dua rangka teori ini.
- (c) Adakah model kepemimpinan yang berdasarkan gaya membuat keputusan sesuai untuk digunakan di sekolah Malaysia? Jelaskan.

(30 markah)

- 0000000 -